



15 JUN, 2026

Kabel dasar laut tunggu kelulusan

Harian Metro, Malaysia



Kabel dasar laut tunggu kelulusan

Kuching: Projek pemasangan kabel tenaga dasar laut yang menghubungkan Sarawak dengan Johor masih dalam proses mendapatkan kelulusan laluan daripada Indonesia sebelum kajian dasar laut dapat dilaksanakan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, kira-kira 60 hingga 70 peratus laluan kabel berkenaan akan melalui perairan Indonesia, justeru persetujuan negara itu perlu diperoleh terlebih dahulu.

Menurutnya, surat permohonan sudah dihantar kepada pihak berkuasa Indonesia dan kajian dasar laut hanya boleh dimulakan selepas kelulusan diberikan.

“Selepas mendapat persetujuan, semua pihak berkaitan akan melaksa-

nakan kajian dasar laut bagi menentukan laluan terbaik untuk pemasangan kabel berkenaan,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Surau Nurul Muslimin, Kampung Sungai Bedil Besar di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg baru-baru ini bahawa ASEAN perlu mempunyai satu platform dan rangka kerja yang dipersetujui bersama oleh semua negara anggota bagi merealisasikan pelaksanaan Grid Tenaga ASEAN.

Ia berikutan ketika ini ASEAN masih belum mempunyai kerangka pelaksanaan yang konkrit, khususnya berkaitan aspek sambungan rentas sempadan.